

Siri 1: Seputar Kitab dan Pengarang

Posted by: thtl on Sunday, February 12, 2006 - 08:21 AM IDLW

Fiqh Sunnah Siri 1: Pengenalan

Segala puji bagi Allah tuhan semesta alam. Selawat dan salam atas pemimpin para Rasul yang bersabda, ” *Barangsiapa yang dikehendaki baik oleh Allah, maka ia akan diberi kefahaman akan agama.*” [Bukhari-Muslim]. Juga kepada keluarga, para sahabat peraih keberkahan dan orang-orang yang mengikuti pemahaman dan petunjuknya hingga hari pembalasan.

Berkenalan dengan Pengarangnya:

Beliau adalah Sayyid Sabiq, lahir di Istanha, Mesir, pada tahun 1915, mendapat pendidikan al-Azhar dan beliau mengikuti dakwah dan jama’ah Ikhwan Muslimoon pimpinan Ustaz Hasan alBanna. Menyertai al-Azhar sebagai tenaga pengajar dan juga aktif dalam pergerakan Ikhwan termasuk menyertai perang Palestine. Beliau dipenjara selama dua tahun dari 1947-1948. Berhijrah ke Saudi dan mengajar di Ummul Quraa, Mekah dan kembali ke Mesir dan wafat pada Februari 2000. Hasil karyanya yang monumental (terpenting) ialah Fiqh Sunnah (3 jilid) dan membawa beliau mendapat anugerah alMalik Faisal 1994 dan sebelum itu ia mendapat Anugerah Awam Mesir, 1992.

Kitab Fiqh Sunnah

Kitab ini menurut sejarah pergerakan Ikhwan Muslimoon adalah cetusan idea Ustaz Hasan alBanna sendiri (mursyid pertamanya, wafat 1949) supaya ditulis sebuah kitab Fiqh berasaskan nas yang mudah dan ringkas. ia bertujuan menyatukan pegangan fiqh anggota Ikhwan di atas al-Quran dan asSunnah dan mengurangkan fanatik madzhab. Oleh kerana Ustaz Hassan melihat keilmuan dan bakat Syaikh Sayyid Sabiq, maka tugas itu diserahkan kepada beliau dan beliau menyiapkan pada tahun 1946. Dinamakan Fiqh Sunnah, kata Sayyid Sabiq ialah kerana ia adalah perbincangan masalah fiqh Islami yang disertai dalil-dalil keterangan bersumberkan alQuran, Sunnah dan ijmaa’. Wawasan kitab Fiqh Sunnah ialah menghapuskan fanatik madzhab dan melenyapkan suatu kepercayaan lama bahawa pintu ijihad telah ditutup.

Komentar alMuhaddith al-Albani (w. 1999)

alMuhaddith al-Albani ialah ahli hadith yang memandang tinggi nilai kitab ini kerana ia begitu luas penyibarannya, hingga ia digunakan di Russia (Sayyid Sabiq menemui kitabnya ini semasa mengunjungi Russia). Beliau mengomentari: Kitab Fiqh Sunnah, adalah antara kitab terbaik kerana materi, sistematis dan bahasanya yang mudah. Yang terpenting ialah kerana kitab ini membuka kepada pintu sumber asal Islam: AlQuran dan asSunnah (**Albani, muqaddimah Tamam alMinnah**)

Buat pertama kali secara eksklusif di **al-Ahkam.net**, saya akan menyajikan secara bersiri Syarah atas Kitab Fiqh Sunnah berdasarkan pengajian awal saya dan pendedahan awal saya dalam ilmu fiqh ialah melalui kitab Fiqh Sunnah. Setelah bertahun-tahun bergelumbang dengan fiqh internet, maka saya memberanikan diri membuat syarahan terkini kerana kitab ini telahpun berusia 60 tahun dan dibantu dengan kitab Ta’aliq (Komentar) oleh alMuhaddith al-Albani yang berjodol ‘ *Tamam alMinnah fi atTa’liq ‘ala Fiqh Sunnah* ‘ (*Kesempurnaan Anugerah dalam Mengomentari Fiqh Sunnah*), maka dirasakan perlu disyarah supaya kitab penting ini terus relevan dengan perjalanan masa.

Saya akan menggunakan Kitab **Fiqh Sunnah** asal edisi tahqiq, terbitan Daar alFath, Cairo, cetakan pertama, 1998, 4 Jilid. Edisi terjemahan bahasa Melayu yang saya gunakan ialah terjemahan Mahyudin Syaf, PT alMa’arif Bandung (14 Jilid)

Manakala kitab alMuhaddith al-Albani ialah **Tamam alMinnah fi atTa'liq 'ala Fiqh Sunnah**, terbitan Daar arRayah, Riyadh, edisi ke 5, 1998

Semoga Allah memberi kekuatan untuk saya meneruskan Syarah 'ala kitab Fiqh Sunnah supaya membantu anda memahami fiqh berdasarkan alQuran dan Sunnah yang bebas dari pengaruh fanatisme madzhab.

Siri 2: Kritik alMuhaddith al-Albani melalui Tamam alMinnah atas Fiqh Sunnah

Posted by: thtl on Sunday, February 12, 2006 - 08:24 AM IDLW

Ketika di Syria, alMuhaddith banyak menerima soalan mengenai kekeliruan yang terdapat dalam Fiqh Sunnah khususnya mengenai hadith-hadith yang disajikan di dalam kitab itu, lalu beliau menerbitkan satu jilid komentar ke atas Fiqh Sunnah dan ia disebar dengan meluas di Syria pada awal 1960'an.

Kemudian ketika berada di Jordan, **al-Albani** menyiapkan tiga jilid yang kemudian diterbitkan oleh darul Kitab alArabi seputar 1970'an. Al-Albani juga menghantar manuskrip **Tamam alMinnah** kepada allamah Sayyid Sabiq, tapi Sayyid Sabiq tidak membalas atau memberi maklumbalas akan usaha-usaha al-Albani.

Hinggalah al-Albani menyempurnakan dan membuat revisi kepada Tamam alMinnah dan hakciptanya dipindahkan kepada Daar alRayah, KSA pada tahun 80'an. Kitab Tamam ini hanya merangkumi seperempat Fiqh Sunnah sahaja (sampai bab **Puasa** sahaja) dalam satu jilid kulit keras (yang ada di tangan penulis sekarang).

Menurut al-Albani, tujuan dia membuat komentar atas FS ialah kerana melihat potensi dan kebaikan kitab FS yang boleh dijadikan ensaiklopedia ringkas-padat jika sekiranya kesalahannya diperbaiki. Kritikan ilmiah ke atas FS juga bukanlah bertujuan merendahkan kedudukan Sayyid Sabiq, malah dia ingin membantu kebenaran dengan kebenaran.

Kesalahan-kesalahan utama Sayyid Sabiq dalam menyusun FS ada **14** semuanya:

1. Tidak menjelaskan banyak hadith, sedangkan ia hadith-hadith dha'if
2. Menilai beberapa hadith sebagai kuat, tapi sebenarnya ternyata dha'if
3. Melemahkan beberapa hadith, sedangkan hadith tersebut yang kuat
4. Tidak menisbahkan kepada koleksi Bukhari-Muslim, padahal hadith-hadith tersebut adalah hadith Bukhari-Muslim
5. Menisbahkan kepada Bukhari-Muslim, padahal nisbahan/sandaran itu tidak benar
6. Beberapa hadith yang langsung tidak ditemukan dalam kitab-kitab hadith
7. Kecelaruhan jalur periwayatan
8. Menisbahkan hadith kepada perawi, tapi tidak menjelaskan
9. Sering tidak menyebut dalil-dalil dalam beberapa masalah
10. Tidak membahaskan dengan terperinci bila keadaan memerlukan
11. Bila ada pendapat yang saling berlawanan, beliau tidak mentarjih (menilai kuat-lemah)
12. Kekacauan dalam perbhasan, apa yang ditetapkan di awal perbhasan, beliau membatalkan di akhir perbhasan
13. Bila mentarjih, ada ketika beliau menguatkan pendapat yang lemah
14. Kekadang ada pendapatnya menyalahi hadith sahih.

Siri 3: 15 Kaedah Sebelum Masuk dalam Fiqh Sunnah (1-3)

Posted by: thtl on Monday, February 13, 2006 - 04:58 AM IDLW

Imam **al-Albani rh** memberi 15 kaedah penting kepada penuntut-penuntut ilmu khususnya mereka yang ingin mendalami fiqh berasaskan sunnah Nabawiah dan termasuklah bagi mereka yang ingin memanfaatkan kitab Fiqh Sunnah sebagai langkah pertama ke arah beramal dengan fiqh berasaskan manhaj salaf. Kita akan ringkaskan 15 kaedah ilmu (mustalah) hadith dalam persiapan memasuki kitab Fiqh Sunnah:

Kaedah #1: Menolak hadith syadz (الشاذ)

Hadith Syadz ialah hadith ganjil, lawannya ialah hadith mahfudz (terpelihara); maksud hadith syadz ialah: riwayat dari rawi (orang yang meriwayatkan hadith) yang tsiqah (dipercayai) **menyalahi** riwayat dari rawi yang lebih tsiqah (hadith mahfudz)

Kaedah #2: Menolak hadith mudhtharib (المضطرب)

Hadith mudhtharib ialah hadith goncang apabila datang satu hadith dari pelbagai sanad (jalan), berbeda dari segi sanad dan matan (teks hadith) dan tidak dapat ditarjih (dikuatkan), maka ia adalah hadith mudhtharib.

Kaedah #3: Menolak hadith Mudallas (المدلس)

Hadith mudallas ialah hadith yang disembunyikan atau dikaburi atau dirahsiakan cacatnya. Ada tiga macam tadlis:

3.1 Tadlis alIsnad

Tadlis Isnad (penyembunyian rantaian) ialah hadith yang diriwayatkan oleh seorang perawi dari perawi yang lain (yang ia hidup sezaman dengannya) akan tetapi ia tidak mendengar hadith dari rawi tersebut, ia cuma mengandaikan sahaja. Selalunya ia menggunakan kalimah : 'an Fulaan (عن فلان) dari si fulan atau Qaala Fulan (قال فلان) 'telah berkata si fulan" atau 'an fulaan Qaala (bahawa si fulan berkata) . Perawi mudallas itu dinamakan ber'an'anah.

3.2 Tadlis Syuyukh

Tadlis syuyukh (syaikh-syaikh) maksudnya seorang perawi merahsiakan identiti syaikhnya (gurunya) supaya tidak diketahui kedudukan (kelemahan) syaikhnya.

3.3 Tadlis Taswiyah

Hadith yang diriwayatkan oleh perawi mudallis dari syaikhnya yang tsiqah (A), tapi syaikh tersebut mendengar dari syaikh (perawi) yang lemah, (B (dha'if)), manakala syaikh yang dha'if ini (B) menerima dari perawi yang tsiqah (C). Kemudian perawi mudallis menggugurkan perawi B yang lemah untuk mengabui manusia akan kekuatan hadith tersebut.

Kata al-Albani, hadith mudallas yang paling jelik ialah **tadlis taswiyah**, kemudian tadlis isnad dan tadlis syuyukh.

Siri 4: 15 Kaedah Sebelum Masuk dalam Fiqh Sunnah (4-7)

Posted by: thtl on Tuesday, February 14, 2006 - 03:59 AM IDLW

Kaedah #4: Menolak hadith Majhul (المجهول)

Hadith **majhul** ialah hadith dari perawi yang tidak dikenali. Ada dua jenis hadith majhul: **majhul 'ain** (tidak dikenali peribadinya) dan **majhul hal** (tidak dikenali sifat dirinya atau dalam kata lain, zahirnya adil tapi keadaan sebenarnya tidak diketahui)

Kaedah #5: Jangan berpegang kepada tautsiq (توثيق) Ibn Hibban

Tautsiq Ibn Hibban maksudnya metod Ibn Hibban (Muhammad bin Ahmad bin Hibban alBusti, w.354H) dalam menaiktaraf perawi-perawi hadith yang bertaraf majhul dengan mempermudah syaratnya ketaraf perawi yang adil. Majoriti ahli hadith tidak menyetujui metod tautsiq Ibn Hibban, antaranya alhafidz Ibn Hajar dan azZahabi.

Kaedah #6: Menolak kenyataan: Perawinya adalah para perawi hadith sahih

Akan ditemui dalam Fiqh Sunnah, kenyataan dari beberapa ahli hadith (seperti Ibn Hibban) akan kenyataan yang masyhur, "*para perawinya adalah perawi hadith sahih, atau perawi-perawinya adalah orang-orang yang terpercaya,*" yang sebenarnya bukanlah suatu jaminan kesahihan sesuatu hadith kerana ia memerlukan pemeriksaan lanjutan.

Kaedah #7: Tidak bersandar kepada diamnya Abu Daud (سكوت أبي داود)

Imam Abu Daud (w. 275 di Basrah) menjelaskan (kedudukan hadith-hadith dalam Sunan Abu Daud) pada muqaddimah Sunannya, "*hadith-hadith yang memiliki kelemahan yang fatal (syadid) niscaya aku jelaskan, mana-mana hadith yang aku diamkan adalah hadith yang soleh (layak).*"

Namun hakikatnya hadith-hadith yang beliau diamkan itu banyak juga yang dha'if. Ini juga pendapat azZahabi, Ibn Hajar dan Ibn Kathir. Manakala anNawawi menerimanya.

[al-Muhaddith al-Albani, **Tamam alMinnah fi Ta'aliq Fiqh Sunnah, Dar arRayah, arRiyadh; ini adalah kitab komentari dan koreksi atas Fiqh Sunnah**]

Siri 5: 15 Kaedah Sebelum Masuk dalam Fiqh Sunnah (8-10)

Posted by: thtl on Wednesday, February 15, 2006 - 04:37 AM IDLW

Kaedah #8: Kod-Kod al-Suyuthi (رموز السويوطي) dalam 'alJaami' alSaghiir' tidak dapat dipercayai.

Al-Imam al-Suyuthi alSyaff'iy (w. 911H) adalah penulis kitab kompilasi hadith yang bernama '**al-Jaami' al-Saghiir**' yang terdiri dari 10,031 hadith kesemuanya. Keistimewaan kitab alJaami' ialah ia pertama kali di susun menurut huruf hijaiyah (alfabet arab), menggunakan kod (rumuz) bagi para imam-imam hadith dan kod derjat kesahihannya (sahih, hasan dan dha'if).

Pengkodan kesahihan hadith-hadith dalam al-Jaami' tidak dapat dipercayai 100%. Adalah didapati Syed Sabiq menggunakan metod pengkodan alSuyuthi dalam kitab Fiqh Sunnah, maka ia juga tidak dapat dipercayai. Kelemahan alSuyuthi dalam mensahihkan hadith diakui oleh pensyarah kitab alJami' sendiri, iaitu alhafiz alMunawi (**Faiduhul Qadir, syarh al Jaami' alSaghiir, maktabah Tijariyah alKubra, Cairo**).

alMuhaddith al-Asyr **al-Albani** telah melakukan takhrij dan tahqiq kepada kitab *alJaami' alSaghiir* menjadi *Sahih al jaami'* dan *Dha'if alJaami'*. Terdapat hampir 1000 hadith (10%) **maudhu'** (palsu) dalam *alJaami'*.

Kaedah # 9: Diamnya alMundziri (سكوت المنذري) tidak mengukuhkan hadith dalam alTarghib.

alHafidz alMundziri (w. 656H) adalah pengarang kitab **atTarghib** (*mendorong beramal*) **wa tarhib** (*ancaman berbuat tidak baik*). Yang menjadi masalah ialah hadith-hadith yang didiamkan oleh alMundziri (hadith yang tidak dijelaskan oleh beliau akan derjat kesahihannya), maka Sayyid Sabiq menganggap hadith itu adalah kuat.

* al-Albani telah meneliti kitab atTarghib dan telah diterbitkan versi tahqiq, Sahih dan Dha'if alTarghib.

Kaedah #10: Mengukuhkan hadith dengan banyaknya jalur (periwayatan) tidak bersifat mutlak.

Sudah alMaklum dalam Uloom Hadith, bahawa sesuatu hadith yang diriwayatkan dari banyak jalur yang lemah akan menjadi kuat, walaupun setiap jalur (mata rantai sanad) itu secara tersendiri adalah dha'if. Berkata alMunawi, jika sesebuah hadith itu sudah parah, maka ia tidak bisa diperbaiki jika didatangkan banyak jalur jika keparahannya masih sama.

Contoh: hadith yang masyhur dalam muqaddimah Matan arba'in anNawawiyah,

'Barangsiapa yang menjaga atas ummatku 40 hadith..'

Walaupun hadith ini banyak jalur periwayatannya, tapi ia tidak dapat dinaiktaraf menjadi hasan.

Siri 6: 15 Kaedah Sebelum Masuk dalam Fiqh Sunnah (11-13)

Posted by: thtl on Friday, February 17, 2006 - 05:03 AM IDLW

Kaedah #11: Tidak dibenarkan Menyebut Hadith Dha'if tanpa Menjelaskan Titik Kelemahannya.

Banyak pengarang dewasa ini kurang memberi perhatian terhadap hadith yang dinisbahkan kepada Rasulullah SAW kerana dua sebab: kejahilan akan sunnah dan malas meneliti hadith-hadith berkaitan fadilat-fadilat amal.

Imam Abu Syamah (*alBa'its*) mencela perbuatan ini dan orang mendiamkan diri terhadap hadith dha'if ada dua kemungkinan:

- Orang yang tahu akan dha'ifnya hadith tapi enggan mendedahkannya. Maka ia dianggap menipu orang Islam. Dalil hadith: "*Barangsiapa yang meriwayatkan hadith dariku padahal ia tahu hadith itu dusta, maka ia termasuk salah seorang dari dua pendusta (Muslim, muqaddimah sahihnya)*

Matn: (من حدث عني بحديث يري أنه كذب فهو أحد الكاذبين)

- Orang yang menyampaikan hadith dha'if tapi tidak mengetahui kedha'ifannya, masih berdosa kerana menyebarkan hadith tanpa ilmu. Dalil hadith: "*Cukuplah kebohongan seseorang dengan menyalurkan apa saja yang ia dengar.*" (Muslim, muqaddimah sahihnya)

Matn: (كفي بالمرء كذبا أن يحدث بكل ما سمع)

Kaedah #12: Meninggalkan Hadith Dha'if tentang Fadha'il 'Amal

Memang sudah masyhur di kalangan ilmuan dan penuntut ilmu bahawa dibolehkan beramal dengan hadith dha'if dalam masalah fadhail amal (keutamaan amal). Ia banyak diwar-warkan oleh al-Nawawi dalam banyak karyanya. yang sebenarnya ada pendapat yang keras dalam isu beramal dengan hadith dha'if dalam masalah fadhilat, iaitu pendapat alBukhari, Muslim dan Ibn Hazm yang menegahnya secara mutlak. alMuhaddith **al-Albani** mendokong pendapat yang keras ini

kerana dalil membolehkan beramal dengan hadith dha'if tidak ada. Bahkan kalau diteliti Imam Ibn Hajar pun berpihak kepada pendapat yang keras....

Imam alhafidz Ibn Hajar pula mensyaratkan tiga syarat:

1. Bukan hadith maudhu' (palsu)
2. Yang mengamalkannya tahu ia dha'if
3. Pengamalannya tidak dilazimi atau disibarluaskan

Ternyata, syarat-syarat di atas tidak dipatuhi oleh umat Islam bahkan mereka beramal dengan hadith dha'if dalam masalah hukum dan juga akidah pun. Bahkan pendapat anNawawi dan alBaihaqi itu sebenarnya bercanggah dengan pegangan gurunya sendiri, alSyafi'iy ra.

Kaedah #13: Dalam hadith Dha'if tidak boleh disebut: *RasuluLlah SAW telah bersabda (قال) atau 'Telah datang dari baginda. (ورد)*

Ini juga pendapat Imam Nawawi dalam alMajmoo', bahawa penggunaan kalimah **aktif** (جزم) seperti: *bersabda, menyuruh, melarang, memutuskan, memerintah* atau Aisyah telah meriwayatkan adalah **ditegah** ketika menyebut hadith dha'if. Tapi boleh jika menggunakan kalimah **pasif** (تمرير) seperti '*telah diriwayatkan dari baginda, dikutip, diceritakan, disebut*.

Komentar al-Albani, tidak wajar diamalkan kaedah itu kerana orang awam tidak tahu membedakan kalimah aktif dan pasif, yang mereka tahu semuanya berasal dari Nabi saw. Maka wajar sekali diutamakan yang sahih-sahih sahaja, sebagaimana mafhum hadith:

"*Tinggalkanlah apa yang meragukan kamu hingga pada apa yang tidak meragukan.*"

Matn (دع ما يريبك إلى ما لا يريبك) **al- Irwaa'/#2074**

Siri 7: 15 Kaedah Sebelum Masuk dalam Fiqh Sunnh 14-15)

Posted by: thtl on Saturday, February 18, 2006 - 02:36 PM IDLW

Kaedah #14: *Wajib melaksanakan Hadith Sahih walaupun Tidak seorangpun yang melaksanakannya.*

al-Albani mengutip pendapat asySyafi'iy dalam **arRisalah** (bab hadith Ahad), mengenai kes Diyat putus jari, di mana Khalifah Umar alKhattab ra memutuskan 15 ekor unta. Namun selepas Umar mendapat tahu bahawa Ali bin Amr bin Hazm ada mencatat surat Rasulullah saw kepada penduduk Yaman, maka Umar mengikuti hadith ini walaupun ia belum pernah dilaksanakan sebelum ini.

"*dan dalam satu jari di sana ada (diyat) 10 ekor unta*"

Matn (وفي كل إصبع مما هنالك عشر من الإبل)

Hadith Ali bin Amr ini mengandungi dua pelajaran:

- a. **diterimanya** hadis bila ianya sahih
- b. dilaksanakan segera walaupun ia belum diamalkan oleh seorang pun sebelum ini.

Kaedah #15/Akhir: *Perintah Syar'iy untuk seorang bererti perintah untuk semua.*

Jika pelaksana hukum yang bijaksana (Muhammad saw) berbicara kepada satu anggota ummat atau menetapkan satu hukum ke atasnya bererti ketetapan hukum ini berlaku umum untuk semua masyarakat kecuali ada bukti takhsis (khusus) ia ditujukan kepada seorang itu sahaja.

Ini pendapat alSyaukani dan Ibn Hazm

Rumusan al-Albani:

Inilah 15 Kaedah usyul di bidang hadith dan fiqh, tapi sayang sekali Pengarang kitab **Fiqh Sunnah** tidak mahu terikat dengan kaedah-kaedah ini atau acuh tak acuh dengannya. Catatan ini ditulis pada 04 Jun 1954 di kota Damsyiq, Syria (54 tahun dulu)

Maka selepas ini kita akan masuk dalam kitab Fiqh Sunnah. Sebaiknya para pengunjung setia **al-Ahkam** segera memiliki kitab terjemahan Fiqh Sunnah (14 jilid) untuk mengikuti siri syarah Fiqh Sunnah ini dengan lebih berkesan. Jika kesempitan wang, beli Jilid Satu dulu.

Siri 8: Muqaddimah Fiqh Sunnah 1

Posted by: thtl on Thursday, February 23, 2006 - 04:32 PM GMT

Disebalik nama '**Fiqh Sunnah**'

Fiqh dari sudut bahasa (lughawi) = kefahaman; dalilnya: (*dan lerailah kekusutan lidahku supaya mereka memahami kata-kataku*) **AQT: 20 (TaHa): 27-28**. Dari sudut istilah pula = fiqh ialah pengetahuan terhadap hukum-hukum syara' yang bersangkutan dengan amalan diambil dari dalil-dalil terperinci (**Ibn Uthaimiin, alUsyul min "ilm alUsyul**)

Sunnah pula dari sudut lughawi ialah cara atau tarikat yang diikuti dan yang menjadi kebiasaan. dari sisi salaf, sunnah ialah cara atau manhaj Nabawi yang merangkumi teori dan amali terhadap Islam disemua peringkat kehidupan. Dalam kata lain sunah ialah Manhaj nabawi, cara Nabi saw mengoperasikan alQuran ke dalam kehidupan harian. (**Fadhlan Othman, asSunnah dalam mengamalkan asSunnah, jahabersa, 2005**)

Fiqh Sunnah adalah kitab encyclopedia hukum-hukum syara' yang berasaskan manhaj Nabawi. Sayyid Sabiq memulakan dengan bab Taharah dan mengakhirinya dengan bab Wasiat.

Sayyid Sabiq memulakan kitabnya dengan ayat pembuka dari **surah 59 (alHasyr) ayat 07**: (*Apa yang diberikan Rasul kepadamu maka terimalah dan apa yang dilarangnya bagimu maka tinggallah*)*

Golongan Ingkar asSunnah atau Anti-Sunnah/Hadith (GAH) menolak Fiqh Sunnah, kerana bagi mereka yang wujud hanya Fiqh alQuran. Ibn Mas'uud ra pernah mengeluarkan fatwa mengenai tatoo, mencukur bulu kening dan mengikir gigi. Beliau mengatakan ianya dilarang oleh Nabi SAW. Ummu Ya'akob dari Bani Asad mendengar fatwa ini dan dia masuk menemui Ibn Mas'ood dan bertanya dari mana asal larangan tersebut. Ibn Mas'ud berkata, ia ada dalam alQuran. Ummu Ya'akob berkata dia sering membaca musyaf dan tidak pernah menemui larangan seumpama itu. Lalulah Ibn Mas'ud membaca ayat ini (**alHasyr:7**), maka wanita itu mengakuinya lalu Ibn Mas'ood berkata, Nabi saw melarang perbuatan-perbuatan tersebut (**Tafsir Ibn Kathiir, tahqiq Ahmad syakir**). al-Bukhari juga meriwayatkan hadith semisalnya dari jalur Abu Hurayrah, " (**إِذَا (أمرتكم بأمر فأتوا منه ما استطعتم وما نهيكم عنه فاجتنبوه**) *Pabila aku menyuruh kamu, maka lakukan sedaya upaya kamu dan bila aku melarang kamu, maka tinggallah ia*"

Maka apabila dikatakan Fiqh Sunnah, ia sebenarnya Fiqh Nabawi dalam menghuraikan hukum-hukum alQuran sebagaimana Allah kehendaki. Menurut al-Qardhawi, ada tiga golongan yang salahfaham akan Fiqh Sunnah:

1. **Golongan Ghuluw** dalam mengamalkan sunnah, terlalu berlebihan hingga menghilangkan sifat wasithiyah Islam (kesederhanaannya), Lihat **AQ 5: 77** (*Katakanlah, hai ahli kitab janganlah ghuluw dalam beragama dengan cara tidak benar*), **alhadith:sahih Muslim (#2670) dari Ibn Mas'ood ra** (*telah binasa orang yang melampauai batas*)

2. Pendusta sunnah yakni golongan pencipta dan penyibar hadith-hadith dha'if (lemah) dan maudhu' (palsu); dan
3. Pentakwil sunnah yang jahil dan mengikuti hawa nafsu (**al-Qardhawi, Kayfa nata'amalu ma'a assunnah/Bagaimana kita bergaul dengan Sunnah**)

Kata Ibn Qayyim pula (*arRuh*), *Sunnah hendaklah difahami tanpa ghuluw (berlebihan) atau cuai; jangan dibuat andaian dan jangan pulak dikurangi..*

Fiqh Sunnah ialah fiqh yang menjelaskan Fiqh alQuran

Kata pula **Imam Ahmad Ibn Hanbal ra**, "*Sunnah ialah penerang bagi alKitab*" (**Ibn Abdil Barr, Jaami' alBayan al 'Ilm wa Fadhlih/2/191**)

* tidak ditemukan ayat ini dalam versi terjemahan Indonesia

Siri 9: Muqaddimah Fiqh Sunnah 2

Posted by: thtl on Sunday, February 26, 2006 - 05:43 PM CCT

Kitab **Fiqh Sunnah** diberi kata-kata aluan oleh Mursyid Pertama Pergerakan al-Ikhwan (gerakan paling berpengaruh di Mesir dan dunia Islam), tidak lain lagi, Fadhilah al-Imam Syahid al-Ustaz **Hasan al-Banna rh**. Ustaz Hasan amat berpengaruh dalam kehidupan alSayyid Sabiq, di mana beliau mengambil keputusan bergabung dengan beliau dalam pergerakan Islam yang dipimpin oleh Ustaz alBanna.

Biografi ringkas Ustaz al-Banna:

Nama lengkapnya ialah **Hasan bin Ahmad bin Abdul Rahman al-Banna**, lahir di Mahmudiah, Buhaira, delta Nil, Mesir pada Oktober 1906. Keturunannya adalah dari keluarga ahli hadith, di mana ayahnya seorang tukang pembaiki jam (as-sa'ati) menyiapkan karya monumental, *Fathur Rabbani fi Tartib Musnad Imam Ahmad ibn Hanbal*. Ustaz alBanna merupakan graduan Darul Uloom. Pada tahun 1927 selepas tamat pengajian, Ustaz alBanna menyertai profesi perguruan dan ditugaskan di daerah Ismailiya, bandar Pelabuhan Mesir. Di pekan Ismailiyah-lah, ustaz alBanna mendirikan pergerakan alIkhwan alMuslimoon sebagai usaha beliau untuk mendirikan semula khilafah yang dimusnahkan Attaturk pada tahun 1924..

Beliau menemui syahidnya pada 12 Februari 1949 dibunuh dengan kejam dan misteri tanpa pembelaan hingga kini. (**Anwar alJundi, Hasan alBanna adDa'iyatul Imam wal alMujahid asSyahid, 1978, Beirut**) Hasil dua dekad (1928-1948) memimpin Ikhwan, jasa dan pengorbanan ustaz al-Banna beliau melayakkan beliau dicalonkan sebagai tokoh pergerakan Islam abad 20. Beliau tidak banyak menulis, cuma Himpunan Risalahnya (*majmu' Rasail dan Mudzakirat*), tapi murid-murid beliau akhirnya yang banyak menulis, antaranya alSayyid Sabiq, Syaikh Muhammad alGhazali, Dr alQardhawi, sayyid Qutb, Mustafa Masyhur, alBahi alKhuli, dll.

Ustaz al-Banna memetik sepotong ayat al-Quran:

وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُونَ لِيَنفِرُوا كَآفَّةً فَلَوْلَا نَفَرَ مِن كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَائِفَةٌ لِّيَتَفَقَّهُوا فِي الدِّينِ [AQ 9:122
وَلِيُنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ

Terjemahnya:

" Tidak sepatutnya bagi orang-orang mukmin itu pergi semuanya (ke medan jihad). mengapa tidak pergi dari tiap-tiap golongan di antara mereka beberapa orang untuk memperdalam pengetahuan mereka tentang agama dan untuk memberi peringatan kepada kaumnya apabila mereka telah kembali kepadanya, supaya mereka dapat menjaga diri." **atTaubah (9): 122**

Rahsia al-Banna memetik ayat ini ialah Ikhwan mempunyai banyak syukbah (bahagian) dan al-Sayyid Sabiq adalah dari bahagian ilmiah dan tarbiyah dan dia diamanahkan menulis dalam bahagian fiqh. Fiqh alIkhwan seperti mana yang dijelaskan oleh alBanna ialah fiqh salafiyah: **ia menyeru supaya dikembalikan kepada sumbernya yang suci** iaitu Kitab Allah dan asSunnah.

Tujuan Fiqh sunnah ditulis ialah untuk menghindari punca-punca perselisihan ummat. Namun, alBanna menjelaskan perselisihan pendapat dalam masalah-masalah cabang fiqh (furu'iyah) merupakan suatu perkara dharuri yang pasti berlaku. Maka kepakaran al_sayyid Sabiq adalah untuk menerbitkan kitab fiqh yang sedemikian. Fiqh yang diidamkan oleh Ust Hasan albanna akhirnya jelas kelihatan dalam karya-karya dan fatwa-fatwa muridnya yang paling tersohor, **Dr Yusof alQaradawi**.

Ayat di atas (9:122) adalah bagaimana Rasulullah saw merancang pembangunan ummat di mana tidak semua para sahabat diperintahkan keluar berperang, ada sebahagian yang tidak keluar dan mereka dikhususkan mendalami agama. Contoh: ketika Perang Tabuk, Ali bin Abi Thalib ra tidak turut serta. Jadi, Allah mewajibkan perang ke atas sebahagian umat bukan semua, begitu juga dalam tugas memperdalam ilmu, diwajibkan kepada sebahagian bukan semua. Kata Imam Syafi'iy, ini dikenali kemudian sebagai fardhu kifayah (**Imam Syafi'iy, arRisalah, edisis Rabi' bin Sulaiman, tahqiq, Ahmad syakir, terbitan Bulaq**)

Kata Imam **Khatib alBaghdadi**, '*Allah mengokohkan agama-Nya melalui mujahidin dan memelihara syari'atnya melalui ahli ilmu*' (**Faqih wal mutafaqqih, tahqiq dan ringkasan Dr Amir alZaibari, cet. daar Ibn Hazm, Beirut.**)

Siri 10: Muqaddimah Fiqh Sunnah 3

Posted by: thtl on Tuesday, February 28, 2006 - 04:55 PM GMT

Muqaddimah Ustaz alImam Hasan alBanna

Kemudian Ustaz Hasan memetik sepotong hadith, hadith itu dicantumkan menjadi satu. Walhal yang sebenarnya ia terdiri dari tiga hadith.

Hadith pertama: Dari amir Mu'awiyah bin Abu Sufyan (pendiri Daulah Ummayyah)

من يرد الله به خيرا يفقهه في الدين

Terjemahnya: "*Barangsiapa yang dikehendaki Allah dengan kebaikan, niscaya Allah perdalammkannya dalam urusan agama.*" [**alBukhari, kitab al-Iman,# 69; Muslim, # 1719**]

Berkata **alHafidz Ibn Hajar**, ungkapan '*khairan*' disebut dengan lafaz nakirah bagi menjelaskan kelebihan ilmu agama baik sedikit ataupun banyak. ini membawa maksud orang yang tidak memperdalamkan ilmu agama dengan mempelajari asas-asas agama dan furu'iyahnya (cabangnya), seolah-olah telah diharamkan dari memperoleh kebaikan (**Fath alBari, cetakan cairo, 1/197**)

Kata Imam **syarf anNawawi rh**: hadith Mu'awiyah menjelaskan kelebihan ilmu dan memperdalam ilmu agama kerana ilmu adalah pembimbing kepada ketaqwaan kepada Allah. (**syarh anNawawi ala sahih Muslim: 7/127**)

Hadith kedua:

(... إنما العلم بالتعلم)

Terjemahnya: "*Sesungguhnya ilmu itu diperolehi dengan cara belajar..*" [**Hadith ini dipotong dari hadith Abu Darda', dikeluarkan antara lain oleh Imam Abu Daud (# 3157) dan dihasankan oleh al-Albani (Sahih alJaami' alSaghiir #2328)**]

Maksud hadith: memang ada orang yang dilahirkan sejak kecil tanda-tanda genius dan pintar, namun kebanyakannya genius, bakat dan kecerdikan perlu digilap dan diasah. Demikian juga untuk mendapat ilmu pengetahuan yang betul tentang Islam mestilah menghadiri majlis-majlis ilmu yang diadakan oleh para ulama'. Dalam majlis agama juga kita bisa bertanya, sebagaimana firman Allah SWT: " *maka bertanyalah kepada orang-orang yang mengetahui jika kamu tidak mengetahui.*" **al-Anbiyaa' (21) :07 (Sa'iid Hawa, Muzakirat fii Manazil asSiddiqin, Daar alIslam, Cairo, /386)**

Hadith ketiga:

وإن الأنبياء لم يورثوا دينارا ولا درهما ورثوا العلم فمن أخذه أخذ بحظ وافر

Terjemahnya: "Para Nabi tidaklah mewariskan emas dan perak. Yang mereka wariskan ialah ilmu. Barangsiapa mengambil warisannya, maka mendapatkan keuntungan yang sempurna." [Hadith dikeluarkan oleh Abu Daud, kitab al-Ilm; atTermidzi, kitab al-Ilm; Ibn Majah, kitab Muqaddimah, disahihkan oleh al-Albani, Sahih Sunan Ibn Majah, #182, Sahih atTarhiib, #68]

Hadith itu dimulai dengan matan, "*al-ulama warathul anbiyaa'*" (para ulama adalah pewaris Nabi-nabi), juga terdapat dalam **sahih alBukhari, kitab al-'Ilm.**

Muqaddimah alSyaikh alSayyid Sabiq rh:

Beliau memulakan dengan berkata, "*kitab ini membahas masalah-masalah fiqh Islam disertai dalil-dalil keterangan bersumberkan al-Quran, Sunnah Nabi yang sah serta ijmaa' dari umat Islam.*"

Ulas al-Albani: Umumnya kenyataan Sayyid Sabiq adalah benar, namun di dalam kitab (FS) terdapat banyak hadith dha'if dan sebahagian lain dianggap sahih atau hasan. Di dalamnya (FS) tidak sedikit masalah-masalah fiqh yang tidak disembuntukan dalil-dalilnya, bahkan sebahagian (masalah) disertai dalil yang berlawanan.

Kemudian Pengarang menjelaskan metodenya dalam penyajian FS:

1. Disajikan secara mudah dan menyenangkan dengan menyertai perbahasan/penjelasan yang mengikut keperluan kes dan situasi.
2. Menyajikan fiqh sebenar dari Fiqh Islami seperti mana yang diutuskan kepada Nabi, menghimpun umat berpegang dengan KitabuLlah dan Sunnah, melenyapkan pertikaian dan fanatisme madzhab serta membuka semula pintu ijtihad.

Sayyid Sabiq mencatat tarikhnya **15 Sya'ban 1365** bersamaan 14 Julai 1946.

Siri 11: Tamhid Fiqh Sunnah 1

Posted by: thtl on Friday, March 03, 2006 - 05:30 PM GMT

Ralat Siri 10: Hadith No. 2 alBanna

.. إنما العلم بالتعلم

"*sesungguhnya ilmu itu dengan belajar*"

Yang sebenarnya matn ini adalah **mauquf** (terhenti) kepada **Abu Darda' ra** atau dengan kata lain, ia adalah ucapan Abi Darda' sendiri (**Imam Abdil Barr, Jami' alBayan al 'Ilm wa Fadhlih: 1/545, disahihkan oleh Dr Fu'ad Syakir, Laysa min Qaul anNabiyy, maktabah Aulad, Cairo, 2001**). Hadith Abu Darda' yang **marfu'** (sampai kepada Nabi saw) ialah "*Barangsiapa yang menyusuri jalan untuk mencari ilmu niscaya Allah akan menunjukkannya jalan*"

ke Syurga. Sesungguhnya Malaikat menghamparkan sayapnya sebagai ungkapan ridha kepada pencari ilmu." Hadith inilah yang dihasankan oleh **al-Albani (Misykah alMasabih: 1/74, # 212; Sahih Ibn Majah # 182)**

Siri 11: Tamhid alSayyid Sabiq (Pendahuluan Fiqh Sunnah)

Sebelum memulakan FS, pengarang menulis sedikit Tamhid atau Pendahuluan mengenai Risalah Islam: Sifat Universalnya (sekarang Globalisasi) dan Tujuannya.

Maksud umum arRisalah atau universalnya risalah Islam menurut mu'allif ialah universalnya risalah Islam yang mencakupi seluruh manusia dan jangkauan masanya ialah sampai Kiamat.

Takhrij hadith-hadith dalam Tamhid.

Dalil #5 (kod nombor edisi terjemahan Indon):

كان كل نبي يبعث إلى قومه خاصة وبعثت إلى كل أحر وأسود

terjemahnya: "setiap Nabi dibangkitkan khusus kepada bangsanya, tetapi aku diutus baik kepada bangsa berkulit merah maupun hitam." [Sahih Muslim, kitab almasaajid, # 810 dari Jabir bin Abdullah alAnsari ra].

Alasan #1: Seterusnya alasan-alasan untuk membuktikan sifat keuniversalan Islam ialah ia sebuah agama yang mudah (yusr):

Dalil # 9:

عن النبي صلى الله عليه وسلم قال إن (هذا) الدين يسر ولن يشاد الدين أحد إلا غلبه

terjemahnya: "Agama ini mudah dan tidak seorang pun yang mempersulit-sulit agama, kecuali tentu akan dikalahkan oleh agama." (Pengarang mengatakan ia riwayat Bukhari dari Abu Sa'id alMaqburi)

Koreksi al-Albani:

Ini kesalahan pertama Sayyid Sabiq. Lafaz asal dalam alBukhari tanpa (هذا). Matan seperti di atas adalah dari Ibn Hibban, alBaihaqi dan alNasa'iy (disahkan oleh alHafidz Ibn Hajar dalam alFath (1/94)) Juga perawi hadith ini dalam edisi pertama ialah Abu Sa'id alKhudri, manakala edisi Jordan (Dar alKitab alArabi) ialah Abu Said alMaqburi (seperti dalam edisi Indonesia) juga salah. Perawi yang sebenar ialah Sa'id bin Abu Sa'id alMaqburi dari Abu Hurayrah ra. [Bukhari, kitab al-Iman, # 38]

Dalil # 10:

أحب الدين إلى الله الحنيفية السمحة

terjemahnya: "Agama yang paling dicintai Allah ialah yang murni dan lapang."

Pengarang mengatakan ia diriwayatkan oleh Muslim.

Koreksi al-Albani:

Ia sebenarnya diriwayatkan oleh alBukhari dalam Adabul Mufrad secara mu'allaq (tanpa sanad), tapi hadith ini dinaiktaraf kepada hasan lighairihi kerana syawahid (penguat) dari Tabaqat Ibn Sa'ad (3/287) dari jalur Abu Qilabah alJarmi, Imam Ahmad dalam azZuhud dari jalur Abdul Aziz bin Marwan alHakam (289) dan atTabrani dari jalur Ibn Abbas (4/149) lihat tahqiq Ibn Hajar dalam alFath (1/93)

Prof alQardhawi menamakan kemudahan yang dimaksudkan oleh Sayyid Sabiq dengan **Fiqh Taysir** (fiqh yang memberi kemudahan). Ini adalah trademark (identiti ketara beliau) Maksud mudah bukanlah bermudah-mudah dalam agama atau mencipta syari'at/fiqh yang baru atau menghalalkan yang haram atau mencipta bid'ah. Objektif fiqh taysir ialah memudahkan kefahaman masyarakat terhadap fiqh yang mana selama ini mereka anggap susah, dan mempermudah hukum-hukum fiqh itu dilaksanakan dalam kehidupan harian. Fiqh Taysir alQardhawi mencakupi 8 komponen:

- memperhatikan aspek kemudahan
- memperhatikan keadaan dharurat dan kondisi/situasi yang perlu diberi keringanan
- memilih yang lebih ringan
- mempersempit ruanglingkup halal dan haram
- melepas diri dari ta'asub (fanatik) madzhab
- melepas diri dari kongkongan madzhab
- memudahkan hal-hal yang menyebabkan kesulitan
- memperhatikan maqosyid (tujuan) syari'at
- mengikuti perubahan fatwa

[lihat alQardhawi, taysir alFiqh alMuslim alMu'asirah, maktabah wahbah, 1999]

Siri 12: Tamhid Fiqh Sunnah 2 - Fiqh Taysir (Bahagian A)

Posted by: thtl on Monday, March 06, 2006 - 04:07 PM GMT

Perincian Fiqh Taysir (Fiqh Kemudahan) oleh Prof Dr Yusof alQardhawi.

Fiqh Taysir adalah fiqh yang dirintis oleh **Imam alUstaz Hasan alBanna** pada asalnya, pendiri Harakah al-Ikhwan. Dalam akhbar harian alIkhwan tahun 1932, Ustaz alBanna mengujudkan kolum yang berjudul '*Fiqh wal Usyul*'. alBanna menjelaskan fiqh yang ditulisnya adalah untuk orang awam yang tidak belajar agama secara khusus. Ini adalah asas kepada terciptanya Fiqh Taysir. Oleh kerana beliau semakin sibuk, kolum itu diambil alih oleh **Syaikh Muhammad Buhairi**, kemudian oleh **Syaikh Muhammad Hadi 'Atiyyah**, kemudian diganti oleh alSayyid Sabiq yang menerbitkan serial Fiqh Sunnah yang berada di tangan anda (**Dr Abdul 'Adziem Dieb**, *Fiqh alImam alJuwaini*, *Dar alIhyaa' Turath*, Qatar)

Dr alQardhawi akhirnya mengambil alih teraju untuk meneruskan manhaj Fiqh Taysir dengan bukunya *alHalal wal Haram* yang mengejutkan dunia Arab dengan ulangcetak sebanyak **23X**, dan buku ini dengan *instant* melonjakkan nama Dr alQardhawi. Kemudian terbit pulak **Fatawa Mu'asirat** yang menyerlahkan maksud Fiqh Taysir yang diperjuangkan sekian lama oleh Ikhwan. Kemudian Dr Qardhawi merintis pula untuk menerbitkan siri Fiqh Taysir yang dimulai dengan *Fiqh Siyyam* dan akan diikuti dengan pelbagai Fiqh Taysir yang objektifnya membumikan fiqh semudah yang mungkin dan menjadikan fiqh Islam kembali diamalkan dengan mudah oleh umat Islam.

Fitnah Fiqh taysir:

Kerana bahana Fiqh Taysir inilah telah membuka pintu kepada musuh-musuh Dr Qardhawi melancarkan serangan bertubi-tubi. Antara tuduhan yang gencar ialah Dr Q seseorang yang meringan-ringankan agama dalam berfiqh dan berfatwa. Ada yang mencadangkan kitab *Halal & Haram* beliau ditukar jodolnya kepada **Halal & Halal fil Islam**. Maka untuk menjelaskan maksud Fiqh Taysir, maka Dr Qardhawi merincikan maksudnya supaya kita tidak terjebak dengan pelbagai tuduhan terhadap beliau seputar isu Fiqh Taysir. Inilah sebahagian rasio Fiqh Taysir:

1. Memperhatikan Aspek Kemudahan

Tuntutan beragama tidak disamaratakan kepada seluruh umatnya pada kadar yang sama: orang yang kuat tidak sama tuntutananya berbanding orang yang lemah, orang yang baru memeluk Islam tidak sama dengan orang yang sudah lama, orang badui (kampungan) tidak sama dengan orang hadhari (kota). Dalilnya : **HR Ibn Hibban, atTabrani dan alBazzar** dari *Ibn Abbas ra*, " *Sesungguhnya Allah suka jika kamu mengambil rukhsah (keringanan) sebagaimana juga Dia suka jika kamu mengambil 'Azimah (kesulitan).*" (**hasan** menurut **alMundziri**, disahkan oleh al-Qardhawi dalam *alMuntaqi tahqiq atTarghib lil Mundziri*)

2. Memperhatikan Keadaan Dharurat Dan Situasi Yang Perlu Diberi Kemudahan

Antara rasio fiqh taysir ialah memerhati keadaan dharurat yang mengharuskan yang terlarang. Juga harus diperhatikan keadaan masyarakat, tingkatan mereka, IQ, urusan mereka, dan kepelbagaian mereka. Contoh: Nabi saw tidak melarang orang Habsyah dari berhibur dan bersukaria mengikut adat orang Habsyah yang sukakan hiburan (**Lu'Lu' wal Marjan/514**), Nabi saw juga tidak melarang perangai isterinya Aisyah yang juga masih suka bermain kerana usianya (**alBukhari # 454**)

3. Memilih Yang Lebih Ringan

Pemilihan yang lebih ringan ini kerana berlakunya perubahan kepada zaman, merosotnya iman, berlaku interaksi antara budaya: tamaddun Islam dan sekitarnya atau dengan masyarakat global. **Ibn Qayyim** menyifatinya akibat berlakunya perubahan zaman dan perubahan fatwa (*I'lam alMuwaqqi'in*), **Ibn Abidin**, "*Kaedah-kaedah syari'at dibangun atas asas keringan dan kemudahan bukan kerusakan dan kerugian.*" Yang aku (Qardhawi) maksudkan dengan memilih yang lebih ringan ialah "*mempermudah dalam hal-hal furu' (rantingan) dan memperketat dalam hal-hal usyul (pokok).*" Dalil: dari **Aisyah ra**, "*Jika Rasulullah disuruh untuk memilih antara dua, niscaya baginda akan memilih yang lebih ringan dari keduanya selama ia bukan dosa*" (**Bukhari-Muslim, Lu'Lu' wal Marjan # 1502**)

4. Mempersempit Ruanglingkup Hukum Wajib dan Haram

Ahli fiqh sedaya mungkin hendaklah berusaha mengurangkan bebanan agama (wajib dan haram) dari pundak (bahu) manusia sedaya mungkin melainkan yang *qat'iy* (putus) diwajibkan dan yang jelas diharamkan syara'. Kaum salaf tidak mengeluarkan hukum wajib atau haram kecuali setelah mereka memiliki dalil yang jelas (*qat'iy dilalah*). Jika mereka tidak menemui dalil, yang wajib diturunkan menjadi sunat, yang haram diturunkan menjadi makruh. Manhaj AlQuran dan asSunnah dengan jelas mempersempit bebanan dan memperluas wilayah harus supaya ia menjadi rahmat kepada manusia. antara dalilnya: "*Hai orang-orang beriman, janganlah kamu menanyakan hal-hal yang jika diterangkan kepadamu, akan menyusahkan kamu..*" **AQT 5: 101**. Dalil hadith: "*Orang-orang sebelum kamu telah dibinasakan kerana banyaknya pertanyaan mereka.*" **Muslim (# 1337)**.

Siri 13: Tamhid Fiqh Sunnah 2 - Fiqh Taysir (Bah B)

Posted by: thtl on Wednesday, March 08, 2006 - 04:36 PM GMT

Sambungan Fiqh Taysir alQardhawi....dalam menjelaskan rasional Fiqh Taysir:

5. Melepaskan diri dari Fanatik Kemadzhaban

Fiqh Taysir (kemudahan) membebaskan masyarakat dari terpaku dengan hanya mengambil agama dari satu madzhab sahaja dalam semua masalah. Ini sudah tentu menyempit dan menyesakkan. kerana satu madzhab saja tidak mencukupi demi menghadapi perkembangan zaman. Taklid itu tercela seperti kata **Ibn Jauzi (Talbis Iblis/81)** adalah "*seumpama seseorang yang diberi obor kemudian ia memadamkan apinya dan berjalan dalam gelap.*" Kata al-

Qardhawi, "orang tidak bertaqlid kecuali orang yang fanatik (ta'asub) atau dungu (tolol atau ahmaq)."

6. Maksud Melepaskan diri dari Madzhab

Seruan membebaskan umat dari fanatisme madzhab dan kongkongan taqlid bukan bermakna kita mencela madzhab dan memperlekeh para Imam. *Jika demikian kita tidak mencium bau ilmu.* Kita juga tidak berniat menolak fikih madzhab atau membuang kitab-kitab mereka, malah kita menggunakan kitab-kitab madzhab untuk membantu kita mentarjih dan mentahqiq.

Maksud seruan kami membebaskan diri dari kongkongan madzhab ialah agar ahli-ahli fiqh tidak mengikatkan dirinya dengan sesuatu yang tidak disuruh oleh agama. Para ahli fiqh diseru mengambil manfa'at dari khazanah madzhab fiqh tersebut untuk mendapatkan pendapat yang terbaik.

7. Mempermudah bukannya Mempersulit

- Meringankan pendapat madzhab yang berat kepada pendapat madzhab yang lebih ringan, contoh: dalam urusan taharah, madzhab Syafi'iy amatlah berat dan ketat, maka lihatlah pendapat Malikiah. Dalam urusan jualbeli, imam Syafi'iy juga amat ketat dalam masalah aqad (jualbeli).
- Ketika meneliti perbahasan fiqh, perhatikan pendapat-pendapat yang jarang-jarang diketemukan walaupun pada catatan pinggir (hasyiah) kerana ia sebahagian dari amanah ilmu untuk kita teliti dan kemungkinan dapat mengeluarkan kita dari kesulitan.
- Membantah dan pertahankan agama terhadap sebahagian yang memperaktikkan pendapat-pendapat yang ketat dan berat (syadid). Contoh: mereka yang memperaktikkan pengharaman janggut secara mutlak hatta seuratpun (seperti haram berjanggut atau haram cukur janggut. contoh haram simpan janggut ialah ATM dan polis. Di Turki pun tak boleh juga simpan janggut. para pelajar pun tak boleh simpan janggut.), walhal kebanyakan umat Islam mencukur janggut; juga mereka yang mengharamkan isybal (melabuhkan kaki seluar).

8. Memperhatikan Tujuan Syari'at (Maqosyid) dan Perubahan Fatwa

Sentiasa memperhatikan tujuan syari'at: yakni bertujuan mencapai maslahat di dunia dan Akhirat, menolak bahaya dan mudharat serta mengimbangi antara maksud syari'at yang umum dan nas yang khusus.

Kaedah yang masyhur "*perubahan fatwa disebabkan perubahan zaman, tempat, kondisi dan tradisi*" bermaksud keanjalan (elastis), keluasan dan kemudahan syari'at serta memberi hak kepada mujtahid di sepanjang zaman berijtihad untuk zaman mereka.

Maka itulah yang di maksudkan Fiqh Taysir sebagai salah satu trademark atau ciri yang unik dalam manhaj fiqh alQardhawi. [*alQardhawi, taysir alFiqh alMuslim alMu'asirat/Cairo/1999*]

Siri 14: Tamhid Fiqh Sunnah 3

Posted by: thtl on Monday, March 13, 2006 - 06:48 PM GMT

Alasan #2: (sila rujuk *Siri II* untuk Alasan #1) Yang membuktikan sifat syumul Islami (universal) ialah unsur tetap yang tidak berubah mengikut peradaran tempat dan waktu iaitu akidah dan ibadah dan unsur yang dinamik (berubah) seperti peradaban (madaniyah), politik, peperangan dan kedamaian.

Ulasan: alSayyid Sabiq tidak merincikan konsep tetap dan dinamis ni dalam kontek fiqh atau hukum-hukum syara' sebagaimana yang dijelaskan oleh alHafidz alFaqih **Imam Ibn Qayyim alJauziah** bahawa ketetapan-ketetapan hukum hakam itu dua jenis: hukum yang tidak berubah keadaan asalnya walaupun berubahnya zaman, tempat dan uruf dan para mujtahid. Contohnya: halal dan haram, hudud dan qisas. Adapun hukum yang berubah sesuai dengan perubahan zaman, tempat dan uruf ialah hukum-hakam takzir dan berlakunya perubahan fatwa di zaman Nabawi, khulafa' arRaasyidin, dan tabi'in. (**Lihat Ighatsah alLahafan, 1/246-249; I'lam alMuwaqqi'iin: 3/14-15; Dr Yusof alQardhawi, awamil asSa'ah wa alMurunah fi al Syari'ah alIslamiyah**)

Contoh yang jelas ialah pelaksanaan Zakat fitrah dengan matawang RM adalah bukti keanjalan dan dinamisme hukum fiqh yang dimaksudkan oleh al-Imam Ibn Qayyim. Juga ketetapan Zakat Maal alMustafad (Zakat gaji dan upah) yang mana zakat ini tidak ada di zaman Nabawi kerana berlakunya peralihan zaman dari pertanian kepada perindustrian.

Kemudian Pengarang membicarakan **Tujuan Risalah Islam**.

Hadith #15 alSayyid Sabiq tidak mentakhrijnya:

أنا رحمة مهداة (ana rahmatan muhdaatun)

terjemahnya: "Saya merupakan rahmat yang dianugerahkan"

Takhrij: Hadith dikeluarkan oleh **alHakim (alMustadrak: 1/35), alBaihaqii, Syu'ab alIman 2/164; Ibn Sa'ad, Tabaqat, 1/192** di mulai dengan إنما (sesungguhnya), **dinilai sahih oleh al-Albani dalam Ghayat alMaram #1, Silsilah alSahihah (490)**

Perundangan Islami atau Fiqh

Pengarang menggariskan empat kaedah umum bagi menghadapi fiqh mu'asirat (fiqh semasa):

1. Melarang membahaskan peristiwa yang belum terjadi sampai ia Terjadi

Ayat dalil: **alMaidah, ayat 101**, "Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu menanyakan (kepada Nabimu) hal-hal yang jika diterangkan kepadamu, niscaya akan menyusahkan kamu dan jika kamu menanyakan di waktu alQur'an sedang diturunkan, niscaya akan diterangkan kepadamu. Allah mema'afkan kamu tentang hal-hal itu. Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyantun."

alQardhawi (Awamil asSa'ah) membuat komentar akan ayat ini sebagai dalil kepada luasnya daerah kema'afan yang disediakan Allah yang dinamakan 'manthiqat al 'Afw. Maka perbuatan membahaskan peristiwa atau perkara sebelum terjadi kemungkinan akan menjadikan daerah keluasan tadi dipersempitkan. Maka para sahabat mereka tidak berbuat demikian.

Komentar **Dr Umar Sulaiman alAsyqar (Fii Fiqh Ikhtilaf, Amman)** mengutip kata-kata Umar alKhattab ra, "aku tidak suka kamu bertanyakan kami tentang perkara-perkara yang masih belum berlaku kerana itu semua boleh membebankan kami." Anaknyanya, Abdullah atau lebih dikenali dgn **Ibnu Umar ra** "janganlah kamu bertanya tentang apa yang masih belum berlaku kerana aku pernah mendengar Umar (ayahku) telah mencela seorang lelaki yang bertanya tentang apa yang belum terjadi." (sumber **Ibn Rajab alHanbali**)

alSayyid kemudian hanya sekadar menyebut dalam sebuah hadith ada menyebut bahawa Nabi saw melarang hal yang bukan-bukan (masalah-masalah yang belum terjadi) tanpa matan dan tanpa takhrij.

Tahqiq al-Albani: matan hadith ialah:

أن النبي صلعم نهى عن الاغلوطات (Anil Nabi SAW Naha 'anil Ughluuthaat)

terjemahnya: "Sesungguhnya Nabi saw melarang/mencegah banyak melakukan kesalahan".
Dikeluarkan oleh Abu Daud (Sunan, #3656), Ahmad (Musnad, 5/435) dari jalur Abdullah bin Sa'ad dari ash Shunabihi dari Mu'awiyah bin Abu Sufyan. dinilai dha'if oleh al-Albani, lihat juga (Dha'if alJaami', # 6048), puncanya ialah Abdullah dinilai dha'if oleh orang Syam (Syria) sendiri.

Siri 15: Tamhid Fiqh Sunnah 4

Posted by: thtl on Monday, March 20, 2006 - 06:01 PM GMT

Qawaid Umum dalam berfiqih (sambungan)

2. Menjauhi Banyak Tanya dan Masalah-masalah Pelik

Takhrij hadith # 18: Matannya (serta takhrij)

حدثنا سعد بن حفص حدثنا شيبان عن منصور عن المسيب عن وراذ عن المغيرة بن شعبة

عن النبي صلى الله عليه وسلم قال إن الله حرم عليكم عقوق الأمهات ومنعا وهات وواد البنات وكره لكم قيل وقال وكثرة السؤال وإضاعة المال

itulah teks hadith yang penuh dari sahih alBukhari.

Terjemahnya: "Sesungguhnya Allah telah mengharamkan ke atas kamu mengaibkan ibu-ibu kamu, melarang dan mengambil, membunuh anak-anak perempuan, berkata begitu dan begini, banyak bertanya dan membazirkan harta." (sahih, dari al-Mughirah bin Syu'bah, dikeluarkan oleh Ahmad, alBukhari, #5518, Muslim, # 3237, al-Albani, Mukhtashar Sahih Muslim #1236, Sahih alJaami', #1895)

Ulasan Dr Umar Sulaiman al-Ashqar, banyak bertanya ialah sengaja memperbanyakkan masalah feqah dan mengada-adakan kewajiban yang tidak ditaklifkan dalam agama.

Hadith #19: Matan (takhrij dan tahqiq)

قال (إن الله فرض فرائض e عن أبي ثعلبة الخشني جرثوم بن ناشر . عن رسول الله فلا تضيعوها ، وحد حدوداً فلا تعتدوها ، وحرم أشياء فلا تنتهكوها ، وسكت عن أشياء رحمة لكم غير نسيان فلا تبحثوا عنها) حديث حسن رواه الدارقطني وغيره

terjemahnya: Dari Abi Tsa'labah Jurthum alKhusaani, (sabda SAW) "Sesungguhnya Allah telah mewajibkan beberapa kewajiban, maka janganlah disia-siakan dan telah menggariskan hudud, maka janganlah dilampau; mengharamkan beberapa larangan, maka janganlah dilanggari serta mendingkan beberapa perkara bukan kerana lupa (cuma) untuk menjadi rahmat bagimu, maka janganlah dibangkit-bangkit."

(Dikeluarkan oleh Daruqutni, Sunan, 4/184; alTabrani, alKabir, 22/589; Khatib alBaghdadi, alFaqih, 2/9; Abu Nu'aim, alHilyah 9/17; alHakim, alMustadrak, 4/115, disahihkan olehnya dan disepakati oleh alZahabi, Dinilai hasan oleh alNawawi, matn alArba'in, #30; dinilai hasan oleh alMuhaddith al-Albani, Ghayatul Maram #4, tahqiq Riadhus Shaalihin, #1841)

Intisari alhadith: **Fadhilat Syaikh Ibn alUthaimiin (syarh Matn alArba'iin):**

- Fardhu dan wajib.....apakah ia sama? Jawab: Tidak sama, jika fardhu, ia kewajiban yang diberatkan, manakala wajib, ia lebih ringan.
- Hudud dalam hadith ini bukanlah khusus, tapi ia meliputi apa-apa yang ALLah haramkan dan kewajiban yang Dia tetapkan.
- Tidak layak bagi umat Islam membahaskan sesuatu yang Allah dan Rasul-Nya diamkan. Isunya: apakah larangan ini valid (sah) hanya pada zaman Nabi saw masih hidup sahaja? Atau ia berlangsung hingga kini dan selamanya? Jawab Syaikh: Ia tidak terhad semasa Nabi masih hidup, bahkan berterusan hingga selepas baginda wafat. Larangan itu dikecualikan dalam rangka memperluas ilmu pengetahuan yang dilakukan oleh ahli ilmu jika mereka menjangka akan berlaku perubahan di masa depan. Jika tidak ada keperluan, maka tidak perlu dibahas dan diselidiki sesuatu yang didiamkan oleh syara'.
- Penetapan sifat rahmat dalam syari'at Islam kerana rasionalnya setiap syari'at niscaya pasti ada rahmat (*fiqh alMaqashid*).

Hadith #20: (matan dan takhrij)

إن أعظم المسلمين جرماً من سأل عن شيء لم يحرم فحرم من أجل مسألته

Terjemahnya: Dari Sa'ad bin Abi Waqs ra: (maksud sabda) "*Orang Islam yang paling besar dosanya ialah orang yang menanyakan sesuatu hal yang mulanya tidak haram, kemudian diharamkan lantaran dengan sebab pertanyaan itu.*" [Dikeluarkan oleh alBukhari, kitab al-I'tishom # 6745, Muslim kitab alfadhail, Ahmad, Abu Daud (# 4610)]

Hadith ini mentafsir ayat-ayat al-Quran (AQ 6 (alAn'am) ayat 119 (terjemahnya: "Mengapa kamu tidak mahu memakan (binatang halal) yang disebut nama Allah ketika menyembelihnya padahal Allah telah menjelaskan kepadamu apa yang diharamkan-Nya atasmu)" dan ayat 145 (terjemahnya: Katakanlah: "Tiadalah aku peroleh dalam wahyu yang diwahyukan kepadaku sesuatu yang diharamkan bagi orang yang ingin memakannya)."

Diriwayatkan bahawa ada seseorang bertanyakan Ibn Umar mengenai kewujudan keju di pasar Madinah yang diimpot dari Farsi (buatan Majusi). Berkata Ibn Umar, "*apa yang berada dalam pasar orang Islam aku membelinya tanpa bertanya akan asal usulnya.*" [alMusyanif Abul Razzaq, # 8785, disahihkan oleh syaikh Syu'aib al-Arna'uth]

Rumusan **Dr Umar Sulaiman alAsyqar:** banyak bertanya yang menjadi larangan ialah:

- Pertanyaan dengan tujuan mempersenda (lihat AQ 17:90 (terjemahnya: Dan mereka berkata, "kami sekali-kali tidak percaya kepadamu hingga kamu memancarkan mataair dari bumi untuk kami; lihat AQ 2:108 (terjemahnya: apakah kamu mengkehendaki untuk meminta kepada Rasul kamu seperti Bani Israel meminta kepada Musa pada zaman dulu?))
- Pertanyaan dalam bentuk mencela, kutukan atau mencabar (lihat AQ 5: 101, terjemahnya: "hai orang-orang beriman, janganlah kamu menanyakan (kepada Nabi kamu) hal-hal jika diterangkan kepadamu niscaya akan menyusahkan kamu dan jika kamu menanyakan di waktu AQ iu sedang diturunkan, niscaya akan diterangkan kepadamu)
- Pertanyaan yang memperincikan yang menjurus kepada ghuluw (melampau), lihat AQ 2:67 (terjemahnya: Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyembelih seekor sapi betina (baqarah)
- Pertanyaan dalam masalah ghaibiyat, lihat AQ 79:42 (Orang-orang kafir bertanyakan kepadamu tentang hari berbangkit, bilakah terjadi?) AQ 17:85 (mereka bertanya kepadamu tentang ruh)

- Pertanyaan yang dicetuskan oleh syaithan, lihat **AQ 7:200** (dan jika kamu ditimpa sesuatu godaan syaithan, maka berlindunglah kepada Allah)
- Pertanyaan yang mana kita tidak ditaklifkan atau dibebankan (hadith **Daruqutni** di atas dan **AQ 5:101**)

Adapun pertanyaan yang dianjurkan: anNahlu: 43

فَاسْأَلُوا أَهْلَ الدِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

terjemahnya: "maka bertanyalah kepada ahli zikir (ahli ilmu) jika kamu tidak mengetahui. "

Pertanyaan yang dianjurkan (digalakkan) ialah dalam rangka mengetahui hukum-hakam agama, atau tafsir alQuran, alhadith, aqaid, dsbnya asalkan bukan soalan-soalan yang disenaraikan untuk kita ajukan seperti di atas. (Dr Umar alAsyqar, **Fiqh Ikhtilaf fi Dhau' alQuran wa as-Sunnah, Jordan**)

Siri 16: Tamhid Fiqh Sunnah 5

Posted by: thtl on Tuesday, March 28, 2006 - 04:52 PM GMT

Kaedah-kaedah Umum dalam berfiqh: (sambungan)

3. Menghindari Pertikaian dan Perpecahan di Dalam Agama

alSayyid Sabiq mengemukakan ayat-ayat dalil, antaranya: **surah alMukminun (23): 52; 'Ali Imraan (3): 103; al-Anfaal (8): 46; al-An'am (6): 159; ar-Rum (30): 32 dan Ali 'Imraan (3): 105**

Komentar **Prof alQardhawi**: Kesatuan adalah kewajipan, perpecahan adalah dosa. Sasaran kerja para pendakwah dan aktivis Islam ialah kesatuan, bersatu hati, kerapian dan kekukuhan barisan ummah. Mereka harus menjauhi perselisihan dan perpecahan serta menghindari segala perkara yang dapat memecah-belahkan kesatuan. Perselisihan menimbulkan kerosakan pada hubungan baik sesama mereka dan akan melemahkan agama, umat dan dunianya. Islam adalah satu-satunya agama yang menyeru kepada persaudaraan, diwujudkan dalam kesatuan dan solidaritas, saling menolong dan bantu-membantu serta mengecam perpecahan dan perselisihan.

Dalil-dalil hadith:

- Dari **Ibn Umar ra**:

عليكم بالجماعة وإياكم والفرقة, فإن الشيطان مع الواحد

Terjemahnya: "kamu perlu berjama'ah, waspadalah terhadap perpecahan kerana sesungguhnya syaithan bersama orang yang sendirian." (atTermidzi dan alHakim dan disahkan oleh **alZahabi (alMustadrak (1:114))**)

- **HR atTermidzi**

"...penyakit umat-umat sebelum kamu telah menular kepada kalian: dengki dan saling bermusuhan. Permusuhan adalah pencukur. Aku tidak kata pencukur rambut tapi pencukur agama." (sunan, #2512)

- **HR Muslim**

"Sesungguhnya syaithan telah berputus asa daripada menjadikan dirinya sebagai sembah bagi orang-orang yang solatnya di Jazirah Arab, tetapi ia tidak pernah putus asa dalam menimbulkan permusuhan sesama mereka." [sahih Muslim, # 2812]

Kemudian alQardhawi menyebut fenomena perselisihan yang dibenarkan dan perpecahan yang tercela. Perselisihan yang dibenarkan ialah perselisihan yang bersifat tanawwu' (variasi) bukannya perselisihan bersifat taarudh (kontra).

Dari sini beliau memperkenalkan suatu istilah fiqh kontemporer yang wajib dipelajari: **Fiqh Ikhtilaf** (Fiqh berbeda pendapat), manakala di kalangan ulama Saudi dinamakan **Fiqh I’tilaf** (fiqh pemersatu). Fiqh Ikhtilaf ini dipopularkan alUstadz **Hasan alBanna** dalam *Usyuul Asyriin* (20 Perinsip kefahaman):

“Perbedaan pendapat dalam Fiqh yang terdapat dalam masalah-masalah cabang bukanlah penyebab terjadinya perpecahan agama dan tidak menjurus kepada permusuhan serta kebencian. Setiap mujtahid akan mendapat pahala. Tidak ada larangan jika dilakukan penelitian secara ilmiah dan objektif dalam masalah-masalah yang diperselisihkan, selama mana ia dilakukan dalam konteks kecintaan kepada Allah dan tolong-menolong dalam mengupayakan pencapaian hakikat permasalahan yang sebenarnya, tanpa mengarah kepada perdebatan yang dilarang dan fanatisme (ta’asub) yang berlebihan.”

Syarahnya: Kenyataan al-Banna ini mengandungi dua pokok kebenaran:

1. Perbezaan pendapat dalam masalah furu’iyah agama (rantingan), tidak boleh menjadi sebab perpecahan, permusuhan dan kebencian. Sikap itulah yang telah ditunjukkan oleh kaum salaf dari ummat ini dan diaplikasikan oleh para imam yang hebat. Mereka boleh berselisih pendapat tetapi hati mereka tetap bersatu.
2. Keyakinan bahawa perbedaan pendapat dalam masalah-masalah cabang adalah sesuatu yang wajar. Lalu ia mendorong kita melakukan **tarjih** (mengkaji secara ilmiah dan memilih pendapat yang lebih unggul, disokong oleh hujah yang lebih kuat dan lebih hampir kepada kebenaran). Prinsipnya ialah: *Mujtahid bisa salah dan bisa saja benar. Juga setiap orang bisa diambil pendapatnya atau ditinggalkan kecuali perkataan Muhammad SAW. Para ulama’ bukan maksum serta jika hadisnya sahih, maka itulah madzhabku atau pendapatku benar namun mungkin saja salah, pendapat orang lain salah, namun ada kemungkinan benar.*

19 Prinsip Fiqh Ikhtilaf atau Fiqh I’tilaf:

1. Perbezaan pendapat dalam cabang fiqh adalah **dharurah** (tidak dapat dielakkan)
2. Perbezaan cabang fiqh merupakan **rahmah dan kemudahan**
3. Perbezaan cabang fiqh adalah **kekayaan** dalam wacana umat
4. Menghilangkan perbedaan cabang fiqh adalah **mustahil**
5. Ada pendapat yang berlawanan dengan **kelaziman** adalah benar
6. **Pluralitas** dalam kebenaran boleh berlaku
7. Kesalahan berjihad oleh si mujtahid adalah **dima’afkan** (bahkan dapat pahala)
8. Tidak dilarang perdebatan dalam masalah **khilafiah**
9. **Adil** dalam berbeda pendapat dan akui kebaikan yang ada pada lawan
10. Adil kepada orang **sealiran** dan berani mengkritiknya
11. Kerjasama dalam hal-hal yang **ittifaq** (disepakati) *
12. Toleran dalam **berdebat** hal-hal yang diperselisihkan **
13. Tuntutan **dialog** dalam membahaskan hal yang diperselisihkan
14. **Toleransi** antara pihak yang berselisih (boleh solat dibelakangnya)
15. Semua **madzhab** adalah baik dan berada dalam jalan petunjuk
16. Bijak dan positif terhadap **variasi** perbezaan
17. Menjauhi debat yang **sengit** dan suasana permusuhan
18. Menjaga adab terhadap **ulama besar** dan senior
19. Menjauhi suka **menjatuhkan** hukum dosa (fasiq), munafiq, atau kafir.

*/** kata Imam Rashid Ridha dan Hasan alBanna

Rujukan:

alQardhawi, alShahwah alIslamiyah: bayna alIkhtilaf alMasyru' wa Tafarruq alMadzmum, maktabah wahbah, 2000, Cairo

alQardhawi, Kayfa nata'amalu ma atTurath wa atTamadzub wa Ikhtilaf, makatab wahbah, Cairo 2001

Siri 17: Tamhid Fiqh Sunnah 6

Posted by: thtl on Tuesday, April 11, 2006 - 11:41 PM CCT

Kaedah-kaedah Umum dalam berfiqih: (sambungan)

4. Mengembalikan masalah-masalah yang dipertikaikan itu kepada Kitab dan Sunnah.

Ayat dalil yang masyhur ialah:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِنْ تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا

Terjemahnya: "Maka jika kamu berselisih tentang sesuatu perkara, kembalikanlah kepada Allah dan Rasul." AQ 4: 59

Syarah:

Kembali kepada alQuran-Sunnah ini menjadi satu polemik yang besar dalam sejarah Islam. Sebab itu **Ustaz alBanna (w. 1949)** menjadikan kaedah: "ruju' kepada alQuran dan asSunnah" sebagai Usyul #2 dari Usyul Asyriin beliau. Kata Ustaz alBanna:"

والقرآن الكريم والسنة المطهرة مرجع كل مسلم في تعرق أحكام الإسلام

Terjemah: "alQuran yang mulia dan Sunnah yang suci adalah tempat kembali setiap muslim untuk memahami hukum-hukum Islam." [Risalah Ta'alam]

Ustaz alBanna menyebut alQuran dan Sunnah sahaja tanpa menyebut Qias dan Ijmaa' dan sumber-sumber lain kerana inilah dua dalil yang disepakati oleh semua pihak. **Imam alSyatibi** dari Granada, Sepanyol berkata, dalil-dalil ada dua jenis: naqli dan aqli (rasio). Dalil naqli hanyalah alQuran dan asSunnah. Dalil-dalil naqliah itulah yang thabit, yang sahih dan menjadi sandaran hukum-hakam syara'. (**alMuwafaqaat/2/42**)

Dari seruan 'kembali kepada alQuran dan asSunnah', maka muncullah manhaj **salafiyah** dan aliran **madzhabik**.

Komentor **Syaikh Ali al-Tanthawi** (w. 1999, kelahiran Syria dan akhirnya menetap dan wafat di Saudi) mengulas akan ayat ini mengenai fenomena perpecahan di kalangan umat Islam dan metod untuk kembali kepada al-Quran dan asSunnah ialah sebenarnya kembali kepada asSunnah kerana sunnah memberikan penafsiran terhadap al-Quran. Ayat di atas (**AQ 4:59**) ayat 'kembali kepada Rasul ialah kembali kepada asSunnah'. Namun di sana umat Islam ada dua jenis:

1. Mereka yang sudahpun mampu untuk kembali kepada sunnah tapi belum bergerak melaksanakannya, maka mana mungkin orang yang tidak menerapkan sunnah pada dirinya menyeru pula orang lain kepada sunnah?
2. Mereka yang tidak mengerti akan sunnah, hadith-hadith tidak dipelajari dalam masyarakat dan inilah fenomena yang sangat jelas dalam masyarakat, fenomena **buta asSunnah**.

Kemudian Syaikh Ali Tanthawi menolak sikap sebahagian aliran sunnah yang ekstrim yang menolak madzhab secara total kerana berpegang dengan manhaj kembali kepada al-Quran dan

Sunnah, “*ada sebahagian manusia berkata Islam adalah kembali kepada Sunnah dan meninggalkan semua madzhab.*” Semua orang mampu membaca kitab hadith yang enam (*kutub sittah*), *majmu’ zawaid* dan memeriksa para rijal pada kitab *atTaqrīb* dan *atTahdzīb*, maka wajib atasnya ijtihad dan haram atasnya taqlid. Ini suatu metod yang salah kerana ahli hadith laksana **ahli farmasi** yang menghafal dan mengkod ramuan ubat-ubatan, manakala disiplin fiqh pula laksana **sang doktor**. Di kalangan sahabat pula hanya terdapat **100** orang sahaja yang memberi fatwa, sedangkan **100,000** yang lain yang ditinggal wafat oleh Rasulullah SAW mengembalikan persoalan kepada yang 100 itu. [Ulama’ kontemporer yang sering mendengungkan gesaan supaya mengimbangi hadith dan feqah ialah **Syaikh Muhammad alGhazali** dan **Dr Yusof Abdullah alQaradawi**]

Adapun madzhab-madzhab feqah kata **Syaikh Ali** ialah *turath* atau khazanah yang telah terbina begitu lama dan kukuh, mereka laksana pembina rumah dan istana, hingga tersergam binaan rumah itu. Maka suatu kebodohan jika ada mereka yang tidak mahu menerima rumah sedia ada itu dan ingin membina rumah yang lain yang serba baru dengan masuk hutan menebang balak. Sesungguhnya proses menghasilkan rumah dari balak itu adalah suatu proses yg amat panjang. [Dr Qardhawi juga mendoong idea **Syaikh Ali** dalam bukunya ‘*kaifa nata’amalu ma’a Turath wa Tamadzuub wa Ikhtilaf*’ atau ‘*Bagaimana Berinteraksi dengan Khazanah, madzhab-mazhab dan perbedzaan salaf*’] [**Syaikh Ali Tanthawi, Majalah alMuslimoon, Januari 1952**]

Syaikh Nasiruddin al-Albani agak tersinggung dengan tulisan **Syaikh Ali Tanthawi** dan membuat **radd** (sanghahan) terhadap dakwaan beliau mengenai ahli hadith vs ahli feqah serta isu madzhab. Kata **al-Albani**, tidak benar sama sekali ada penegak sunnah yang mewajibkan ijtihad kepada semua orang kerana semua orang tahu ijtihad hanyalah diwajibkan ke atas mereka yang benar-benar layak dan mampu, apa yang sebenar diseru ialah **ittiba’** (mengikuti sesuai dengan dalil) kepada setiap muslim. Demikian pula mereka mengharamkan taqlid (mengambil hujah seseorang tanpa mengetahui dalilnya) kecuali dalam keadaan dharurat (terpaksa) atau tidak mampu menemukan sunnah. Inilah sikap sebenar penegak manhaj salafiyah dalam isu ijtihad, takqlid, madzhab dan ittiba’. [**al-Albani, Maqalaat al-Albani, Dar al-Atlas, Riyadh**]

Jadi, seruan penyatuan umat Islam yang diseru oleh penegak aliran salafiyah, seruan kembali kepada al-Quran dan Sunnah bukanlah seruan mewajibkan ijtihad dan menghapuskan taqlid serta mengharamkan amalan bermadzhab dalam masyarakat. Persepsi dan tohmahan sekian lama ini perlu diperbetulkan bahawa seruan kembali kepada Sunnah sebenarnya ialah seruan supaya umat Islam kembali kepada dalil. Manhaj ittiba’ asSunnah ini dijelaskan oleh **Abdullah ibn Mas’ood RA**,

من كان مستنًا فليستن بمن قد مات, أولئك أصحاب محمد

“Barangsiapa yang mencontoh, maka contohilah kepada kaum yang sudah pergi, iaitu para sahabat Muhammad saw...” (**alBaghawi, Syarah asSunnah**)

اتبعوا ولا تبندعوا فقد كفيتم, عليكم بالأمر العتيق

“Ittiba’lah dan jangan berbuat bid’ah, maka kalian telah dicukupi. Berpeganglah kalian dengan perkara yang kukuh” (**Sunan adDarimi**)

Penutup Imam Malik mengenai ittiba’:

“Akhīr umat ini tidak akan menjadi baik kecuali dengan perkara yang dinilai baik oleh permulaan umat ini (*salaf*)” (**Qadhi Iyadh, asy-Syifaa’, 2/88**)
